

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN MEMORIAL TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA

TEMPAT: JALAN DATO ONN, KUALA LUMPUR

TARIKH: 10 NOV 1994

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Memorial Kebangsaan kerana menjemput saya untuk merasmikan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada hari ini.

2. Sesuai dengan majlis pada pagi ini, izinkan saya juga mengucapkan setinggi terima kasih kepada keluarga Almarhum Tunku yang telah dengan ikhlas hati menyerahkan segala khazanah dan bahan-bahan sejarah milik Tunku untuk dijadikan bahan pameran Memorial ini. Sumbangan itu merupakan khazanah negara yang tidak ternilai daripada segi sejarah. Tanpa sumbangan ikhlas daripada keluarga Almarhum Tunku, tidak mungkin Memorial ini dapat dilengkapkan seperti yang kita saksikan pada hari ini.

3. Pada 7 Julai 1992 kita telah melancarkan projek untuk mengadakan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra bagi mengenang jasa dan sumbangan Almarhum kepada bangsa dan negara. Pada hari ini kita berkumpul pula untuk perasmian Memorial ini.

4. Saya difahamkan bahawa Memorial yang tersergam indah ini dibina dengan harga RM30 juta di atas tapak seluas lima ekar. Perbelanjaan Memorial ini adalah daripada sumbangan Kerajaan dan orang ramai, terutama syarikat-syarikat swasta. Memorial ini adalah satu lagi bukti dan contoh kerjasama di antara rakyat dengan Kerajaan yang selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia.

5. Malaysia harus berbangga kerana Memorial ini merupakan Memorial yang terbesar di dunia jika dibandingkan dengan 'Presidential Library' di Amerika, terutamanya 'Ronald Reagan Memorial dan Richard Nixon Memorial'. Ini adalah dilihat daripada segi pengumpulan bahan-bahan yang dikaitkan dengan Tunku yang berjumlah lebih daripada 80,000 bahan serta ruang pameran dan bangunan yang seluas 110,000 kaki persegi.

6. Sebagai satu bangsa yang dihormati dan berdaulat, kita harus sentiasa menghargai sumbangan mereka yang berjasa kepada bangsa dan negara. Tidak siapa dapat mempertikaikan bahawa Tunku Abdul Rahman Putra-lah yang begitu berjasa kepada negara dan merupakan negarawan yang ulung di negara ini.

7. Almarhum Tunku, negarawan yang telah melalui berbagai-bagai liku rintangan dalam perjuangannya untuk mencapai kemerdekaan secara aman, telah berjaya membuktikan bahawa pendekatannya bukan sahaja lebih sihat tetapi juga boleh berjaya. Pada 31 Ogos 1957 maka merdekalah Persekutuan Tanah Melayu. Kemudian pada tahun 1963 perjuangannya untuk membentuk Malaysia juga tercapai. Asas sistem demokrasi dan perpaduan kaum yang unik seperti yang kita amalkan sekarang telah diilhamkan dan dibentuk oleh Tunku Abdul Rahman melalui suatu proses yang tidak mudah. Semua ini terparaf dalam Memorial Tunku Abdul Rahman Putra.

8. Memorial ini juga diharapkan dapat berperanan sebagai Pusat Penyelidikan mengenai Almarhum Tunku bagi para penyelidik dari dalam dan luar negara. Memorial ini menyediakan segala bahan penyelidikan bermula dari kelahiran, kehidupan harian, sikapnya semasa menjadi anggota Kedah Civil Service, perjuangannya mencapai kemerdekaan, pembinaan bangsa, kegiatannya di dalam dan luar negara hingga ke saat pemergiannya. Saya percaya Memorial ini juga dapat berperanan sebagai satu daya tarikan pelawat-pelawat dari dalam dan luar negara.

9. Sumbangan Tunku terhadap bangsa, agama dan negara bukannya sedikit. Almarhum Tunku mula memperjuangkan bangsanya apabila beliau menjadi Penolong Pegawai Daerah. Berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh Almarhum Tunku untuk menarik perhatian penjajah terhadap kepentingan kaum bangsanya. Bermula dari sinilah Almarhum Tunku melihat betapa perlunya negara ini diperintah oleh bangsanya sendiri, sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat. Ini dapat dilihat daripada beberapa kenyataan Tunku berhubung dengan kedaulatan sesuatu bangsa dan negara. Sebagai contoh Tunku pernah mengatakan bahawa "Negara ini diterima daripada Melayu, maka patutlah diserahkan balik kepada Melayu. Tetapi kita mestilah ingat sekiranya kita hendak timbang menimbang di atas perasaan-perasaan hawa nafsu bangsa-bangsa asing, apakah yang akan jadi kepada bangsa Melayu kita dan apakah maknanya yang terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu? Ini negeri hak Melayu dan berilah kelebihan kepada Melayu." Keutamaan kepada kaum bangsanya tidaklah sehingga menidakkan hak orang lain. Hanya yang dituntut ialah kelebihan kepada pemilik asal negara ini untuk memastikan mereka mempunyai tempat dalam negara mereka.

10. Pembangunan yang kita kecapi hari ini tidak mungkin kita nikmati tanpa perjuangan awal Almarhum Tunku untuk membebaskan rakyat daripada belenggu penjajahan dan menyatukan berbagai-bagai kaum di Malaysia. Sikap perkauman dan bermusuhan antara kaum dikikis dan diganti dengan sikap toleransi, kompromi dan saling menghormati antara satu sama lain. Untuk tujuan ini Almarhum Tunku telah membentuk Parti Perikatan, yang menyatukan tiga parti yang mewakili tiga kaum yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu iaitu UMNO, MCA dan MIC, menyatukan mereka sebagai satu bangsa Malaya

dengan menggunakan satu bahasa, iaitu Bahasa Kebangsaan yang dapat difahami oleh semua kaum dan mengurangkan prasangka yang wujud serta menyatukan berbagai-bagai bangsa sebagai satu `Bangsa Malaysia' yang merdeka dan berdaulat. Walaupun pada tahun 1969 berlaku rusuhan kaum, tetapi Almarhum Tunku telah terus berpegang kepada prinsip-prinsip perjuangannya dan menyumbang kepada usaha membendung masalah tersebut dalam jangkamasa yang singkat. Prinsip-prinsip Tunku jugalah yang membawa kepada pembentukan Barisan Nasional.

11. Kita beruntung kerana pada hari ini kita dapat hidup dalam keadaan aman dan makmur, berkat asas perpaduan yang dimulai oleh Almarhum Tunku dan diwariskan kepada pengganti-penggantinya. Di seluruh dunia, persengketaan, perang saudara dan permusuhan antara kaum sering dan masih berlaku, dengan meragut ratusan ribu nyawa serta memusnahkan banyak harta benda. Jika kita tidak mengalami nasib yang sama, sebabnya ialah adanya asas toleransi dan perpaduan kaum yang disemai oleh Almarhum Tunku.

12. Mewujudkan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra bukanlah sesuatu yang mudah. Ia telah dibina hasil daripada gabungan usaha Kerajaan dan rakyat terutamanya peniaga dan pengusaha negara kita dengan tujuan yang sama, iaitu untuk memperingati seorang bekas Perdana Menteri dan memperlihatkan kepada rakyat dan generasi akan datang tentang perjuangan, pengorbanan, harapan serta aspirasi seorang pemimpin terhadap negara, bangsa dan agama yang dicintainya. Bahan-bahan yang dipamerkan ini merupakan satu peninggalan sejarah, sejarah yang dicipta dan dibina oleh seorang negarawan yang berjiwa besar yang tidak boleh dilupai atau dipisahkan daripada sejarah negara.

13. Jika kita ingin jadikan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra ini sebagai satu monumen yang boleh dibanggakan dan dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat dan pelawat dari luar, ia perlu diurus dengan cekap dan dilengkapi dengan kepakaran serta pembiayaan yang cukup untuk penyelenggaraannya. Kita bersyukur kerana sumbangan daripada rakyat dan sektor swasta telah menjayakan projek ini. Mereka di kalangan rakyat Malaysia yang mampu hendaklah membantu memelihara Memorial ini. Sumbangan ini akan membuktikan bahawa rakyat Malaysia menghargai jasa-jasa Almarhum Tunku. Sumbangan kepada Tabung Amanah Memorial Tunku Abdul Rahman Putra akan digunakan untuk menyelenggarakannya dengan baik.

14. Walaupun tidak semua bahan mengenai Almarhum Tunku dapat dipamerkan di Memorial ini kerana ruangan yang terhad, namun dengan inisiatif dan kreativiti pihak Arkib Negara Malaysia, bahan-bahan yang terbaik dan menepati mesej penting telah dipilih dan dipamerkan. Mungkin juga khazanah Almarhum ini akan dipamerkan berganti-ganti.

15. Saya berharap pameran di Memorial ini dapat menarik minat orang ramai terutama generasi muda yang bakal mewarisi negara. Semoga mereka dapat mengenal dan mempelajari

pengalaman daripada sejarah agar semangat cintakan tanah air akan tersemai subur. Dengan ini mereka akan mempunyai kesedaran betapa pentingnya peristiwa sejarah dijadikan garis panduan dalam membangunkan bangsa dan negara.

16. Dengan harapan ini dan dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Pemurah, saya dengan sukacitanya merasmikan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.